

20 AUG 2003

Perak-Emas

PERAK SEDANG SIASAT KESAHIHAN DAKWAAN PENEMUAN EMAS DI SUNGAI SIPUT

IPOH, 20 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Perak sedang menyiasat kesahihan dakwaan sesetengah penduduk sekitar Sungai Bekot, di Sungai Siput dekat sini bahawa emas telah ditemui di kawasan tersebut.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata sekiranya dakwaan itu benar, kajian terperinci perlu dilakukan terlebih dulu untuk menentukan sekiranya ia mempunyai simpanan emas yang banyak dan berpotensi untuk dilombong.

Bagaimanapun menurutnya Kerajaan Negeri perlu meminta kebenaran Kerajaan Pusat sebelum menjalankan sebarang aktiviti perlombongan kerana sebelum ini sudah ada arahan pembekuan aktiviti tersebut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tapi kalau betul ada simpanan emas (di situ), kita akan minta kebenaran Kerajaan Pusat untuk melombongnya," katanya selepas mesyuarat mingguan Exco di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa ditanya pemberita mengenai spekulasi oleh sesetengah penduduk di kawasan berkenaan bahawa emas telah ditemui di satu kawasan seluas 120 hektar di Sungai Bekot, Sungai Siput.

Tajol Rosli berkata emas sememangnya terdapat di banyak tempat di negara ini tetapi dalam jumlah yang amat kecil dan tidak sesuai untuk dilombong kecuali di Raub, Pahang.

"Soalnya adalah sama ada ia "viable" atau tidak, sama seperti penemuan gas di Hutan Melintang dulu. Serupa juga apabila penduduk Lembah Belu datang membeli barang di Gerik menggunakan ketulan kecil emas yang didulang," katanya.

Menurutnya dalam kes penemuan emas di Lembah Belu sebelum ini, apabila Kerajaan Negeri memberi kawasan seluas 4,000 hektar di Lembah Belu kepada Malaysian Mining Corporation untuk perlombongan emas, ia tidak berjaya kerana simpanan emasnya kecil dan tidak ekonomik untuk dilombong.

Tajol Rosli berkata, beliau akan meminta agensi-agensi kerajaan yang terbabit menyiasat kesahihan penemuan emas di Sungai Siput terlebih dahulu sebelum mengambil sebarang tindakan selanjutnya.

Semalam, beberapa akhbar tempatan telah melaporkan berita tentang penemuan baru emas di Sungai Siput berhampiran Felda Chalok Barat, di Setiu menyebabkan ramai peneroka dan orang ramai menyerbu kawasan berkenaan.

Sementara itu, Tajol Rosli hari ini mengumumkan perlantikan Datuk Nor Bee Ariffin, 47, sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Perak yang baru berkuatkuasa 16 Ogos.

Nor Bee menggantikan Datuk Raja Uda yang telah bertukar ke Jabatan Peguam Negara sebagai Timbalan Pesuruhjaya 1, Penyemakan dan Pembaruan Undang-Undang.

Beliau yang dilahirkan di Kampung Rapat di sini berkelulusan L.L.B dari Universiti Malaya dan pernah menjadi majistret di Pulau Pinang dan Perlis sebelum menjadi hakim mahkamah sesyen Kuala Lumpur pada tahun 1989.

Pada tahun 1992, beliau menjadi Peguam Kanan Persekutuan, Bahagian Guaman di Jabatan Peguam Negara sebelum menjadi Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang Parlimen.

Sebelum datang ke Perak, beliau telah menjadi Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka sejak April, 2001.

-- BERNAMA

AR AZH